


TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2023



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama (*Ta'awun*) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

* Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana ESG Global (Dana) bertujuan memaksimumkan pulangan jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang layak.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam Dana SRI Islamik berke Layakan (Dana Sasaran) yang melabur dalam ekuiti berkaitan sekuriti dan ekuiti global patuh Shariah.</p> <p>Memandangkan Dana Sasaran adalah Dana SRI berke Layakan, Dana Sasaran akan melabur dalam perniagaan dan/atau skim pelaburan kolektif Islamik yang menyediakan impak positif ke atas pembangunan masyarakat yang lestari selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau <i>United Nation Sustainable Development Goals</i> (UN SDG).</p> <p>Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, kaedah dan kedudukan. Peruntukan atau Dana Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p><i>Nota: Rujuk kepada pendedahan tambahan untuk butiran Dana Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran; dan• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islamik.
Tanda Aras Prestasi	<p>Indeks Pasaran Maju Pasaran Islamik Dow Jones.</p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai prestasi indeks boleh didapati daripada S&P Dow Jones indeks, www.spindices.com</i></p> <p><i>Nota: Profil risiko Dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras prestasi. Prestasi penanda aras tidak selari dengan ciri-ciri persekitaran atau sosial yang diketengahkan oleh Dana, kerana merangkumi pelbagai jenis syarikat dan tidak mengambil kira aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam pemilihan konstituen.</i></p>
Pengurus Dana	Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Yuran & Caj	
Caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset	1.50% setahun
Caj Lain, jika ada	TIADA

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

Pendedahan Tambahan untuk Takafulink Dana ESG Global

Takafulink Dana ESG Global disalurkan ke dalam Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund yang diuruskan oleh Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset sebanyak 1.50% pada peringkat Dana dan tiada caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset pada peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Takafulink Dana ESG Global adalah dana baharu. Ia belum mempunyai sejarah prestasi.

Jadual berikut adalah berdasarkan sejarah prestasi Dana Sasaran.

Tahun	2022
Prestasi Bersih (%)	0.09**

** Dana Sasaran telah dilancarkan pada 23 Mei 2022. Prestasi dana adalah daripada tarikh dana dilancarkan sehingga akhir tahun pada tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

Prestasi dikira pada NAV[#] (tahun n-1) hingga NAV[#] (tahun n) dengan pendapatan kasar atau dividen yang dilaburkan semula.

Di mana:

- Tahun n adalah harga unit setakat 31 Disember pada tahun semasa.
- Tahun n-1 adalah harga unit setakat 31 Disember pada tahun sebelumnya.
- Prestasi atau kadar pulangan Dana adalah selepas ditolak Caj *Wakalah* Pengurusan Aset dan cukai Dana

[#] NAV di sini merujuk kepada Nilai Aset Bersih Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Dana Sasaran, sila rujuk <http://www.nomura-asset.com.my>

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \times 100\%$$

* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

Faktor Risiko

Sila rujuk pada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang berkemungkinan timbul akibat perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya, keadaan pasaran, dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan akibat keadaan ekonomi atau ketidakstabilan politik, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan peserta dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak dapat menjana pendapatan pada kadar yang seiring dengan inflasi, sekaligus mengurangkan kuasa pembelian peserta, walaupun nilai pelaburan mungkin telah meningkat.

- **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana tidak dapat melupuskan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang memberangsangkan dan memberi kesan buruk kepada pelaburan yang dibuat oleh peserta. Risiko kecairan boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat dan pemantauan aktif.

- **Risiko Ketidapatuhan**

Ketidapatuhan kepada undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan baik, dasar dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan pengawasan dari pihak berkuasa, mengancam reputasi dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana mempunyai kawalan dalaman yang ketat dan perlu memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan baik dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

Faktor Risiko

- **Risiko Sekuriti**

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah-ubah sebagai tindak balas terhadap keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Tumpuan**

Risiko tumpuan merujuk kepada risiko apabila Dana melaburkan sebahagian besar asetnya dalam sektor atau kawasan geografi tertentu yang menyebabkan Dana lebih mudah terdedah kepada keadaan ekonomi yang memberi kesan terhadap industri atau rantau tersebut. Risiko ini dikurangkan melalui proses kepelbagaian yang dilaksanakan oleh Pengurus Dana Sasaran semasa menguruskan Dana Sasaran di mana Dana Sasaran akan memegang kepelbagaian portfolio ekuiti patuh Syariah merentasi sektor dan negara.

- **Risiko Mata Wang**

Dana akan dilabur di pasaran asing. Oleh itu, pelaburan akan didenominasikan dalam mata wang asing. Memandangkan Dana didenominasikan dalam Ringgit Malaysia, pelaburan dalam mata wang asing akan menyebabkan Dana terdedah kepada risiko mata wang. Kesan daripada kadar pertukaran di antara mata wang asas Dana dan mata wang asas pelaburan boleh mengakibatkan susut nilai ke atas pelaburan seperti dinyatakan dalam mata wang asas Dana.

Dana ini tidak berhasrat untuk terlibat dalam mana-mana perlindungan nilai mata wang untuk mengurangkan risiko mata wang.

Untuk menguruskan risiko mata wang, Pengurus Dana Sasaran boleh melaksanakan strategi lindung nilai mata wang dengan menggunakan instrumen lindung nilai Islamik untuk melindungi nilai penuh atau sebahagian daripada pendedahan mata wang asing dalam pelaburan Dana Sasaran. Lindung nilai mata wang boleh mengurangkan kesan pergerakan kadar tukaran ke atas Dana Sasaran yang dilindungi nilai tetapi ia tidak menghapuskan kesemua risiko mata wang di antara Dana Sasaran dan Mata Wang Dasar. Bahagian yang tidak dilindungi nilai masih boleh terjejas oleh pergerakan kadar tukaran dan ia boleh menyebabkan NAV Dana Sasaran mengalami turun-naik. Jika pergerakan kadar tukaran bergerak secara positif, Dana Sasaran tidak mendapat sebarang manfaat daripada sebarang kenaikan dalam pergerakan mata wang disebabkan oleh strategi lindung nilai. Selain itu, lindung nilai adalah tertakluk kepada saiz minimum yang diperlukan untuk memeterai kontrak lindung nilai dan kos lindung nilai akan ditanggung oleh Dana Sasaran yang dilindungi nilai dan ia boleh menjejaskan pulangan Dana Sasaran yang dilindungi nilai tersebut.

Faktor Risiko

- **Risiko Kemungkiran**

Risiko ini merujuk kepada risiko penerbit instrumen pasaran wang Islamik sama ada mungkir membuat pembayaran atau gagal membuat pembayaran pada masanya yang akan menjejaskan nilai instrumen pasaran wang Islamik tersebut. Sekiranya institusi kewangan yang mana Dana dan/atau Dana Sasaran meletakkan deposit melakukan kemungkiran pembayaran atau tidak mampu bayar, Dana juga mungkin mengalami kerugian modal ke atas modal yang dilaburkan dan kehilangan keuntungan, menyebabkan prestasi Dana turut terjejas. Ia boleh memberi kesan buruk kepada nilai Dana Sasaran memandangkan sehingga 30% daripada NAV Dana Sasaran atau sehingga 33% daripada NAV Dana Sasaran (jika langkah-langkah pembendungan sementara dilaksanakan semasa keadaan pasaran yang kurang memberangsangkan) boleh dilaburkan ke dalam deposit Islamik, instrumen pasaran wang Islam dan/atau dipegang secara tunai.

- **Risiko Pihak Lawan Over The Counter**

Risiko Pihak Lawan Over The Counter (OTC) adalah risiko yang dikaitkan dengan pihak satu lagi kepada transaksi derivatif OTC Islamik yang tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya. Jika pihak lawan kepada transaksi derivatif OTC Islamik tidak dapat memenuhi atau mungkir terhadap tanggungjawabnya (sebagai contoh, akibat kebangkrapan atau kesukaran kewangan lain), Dana mungkin terdedah kepada kerugian yang lebih besar daripada kos derivatif Islamik. Risiko kemungkiran pihak lawan berkait secara langsung dengan kepercayaan kredit pihak lawan berkenaan. Sekiranya berlaku penarafan turun dalam penarafan kredit pihak lawan derivatif OTC Islamik, Pengurus Dana Sasaran akan menilai semula situasi dan menilai semula kepercayaan kredit pihak lawan. Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu demi kepentingan terbaik Dana.

- **Risiko Transaksi Pihak Berkaitan**

Dana Sasaran mungkin melabur dalam skim pelaburan kolektif Islamik milik syarikat pengurusan aset lain yang berkaitan dengan Pengurus Dana Sasaran dan mungkin juga berurusan dengan pihak berkaitan dengan syarikat tersebut. Transaksi pihak berkaitan ini berpotensi menyebabkan tercetusnya konflik kepentingan di antara Pemegang Unit dan Pengurus Dana Sasaran. Bagi menguruskan konflik kepentingan sebegini, semua transaksi dengan pihak berkaitan tersebut akan dijalankan dengan terma terbaik yang tersedia untuk Dana Sasaran dan berdasarkan pelaksanaan terbaik dan transaksi setara di antara pihak-pihak bebas.

Faktor Risiko

• Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah

Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut. Peluang kerugian boleh berlaku akibat sekatan ke atas Dana Sasaran untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Jika ia berlaku, Dana Sasaran segera:

- i. melupuskan sekuriti berkenaan dengan kadar segera atau dalam masa satu (1) bulan kalendar jika nilai sekuriti melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula Senarai Sekuriti Patuh Syariah ("Pengkelasan Semula") yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh semakan ("Semakan") daripada Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula atau penilaian semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa pengkelasan semula hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan;
- ii. untuk memegang sekuriti tersebut jika nilai sekuriti di bawah kos pelaburan pada hari dagangan terakhir sebelum tarikh kuat kuasa pengkelasan atau penilaian semula sehingga jumlah dividen berikutnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti bersamaan dengan kos pelaburan di mana pelupusan perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan kalendar, keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah; atau
- iii. untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga lebih rendah berbanding kos pelaburan yang akan menyebabkan pengurangan nilai Dana Sasaran.

• Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai sebarang kekurangan yang berkaitan dengan mana-mana kualiti di atas, ia boleh menjejaskan prestasi Dana.

Faktor Risiko

- **Risiko Negara**

Pelaburan dalam Dana Sasaran mungkin terjejas oleh risiko khusus kepada negaranegara di mana ia melabur. Risiko ini merangkumi perubahan di dalam keadaan ekonomi, sosial dan politik di negara tersebut. Nilai aset Dana Sasaran juga mungkin terjejas oleh ketidakpastian seperti sekatan penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan negara di mana Dana Sasaran melabur.

- **Pelaburan dalam Skim Pelaburan Kolektif Islamik**

Pelaburan dalam skim pelaburan kolektif Islamik mungkin lebih mahal kepada Dana Sasaran berbanding jika Dana Sasaran telah melabur dalam pelaburan pendasar secara langsung kerana Dana akan membayar caj pengurusan dan perbelanjaan skim pelaburan kolektif Islamik secara tidak langsung sebagai tambahan kepada caj pengurusan dan pembelanjaan langsung Dana Sasaran. Melabur dalam skim pelaburan kolektif Islamik yang lain boleh menyebabkan Dana Sasaran tertakluk kepada risiko (i) penilaian Dana Sasaran mungkin tidak mencerminkan nilai sebenar skim pelaburan kolektif Islamik pendasar pada masa tertentu dan/atau (ii) penilaian skim pelaburan kolektif Islamik pendasar mungkin tidak tersedia pada titik penilaian yang relevan bagi Dana Sasaran yang boleh mengakibatkan kerugian besar atau harga yang tidak tepat bagi Dana Sasaran. Pelaburan Dana Sasaran dalam skim pelaburan kolektif Islamik juga mungkin menyebabkan Dana Sasaran terdedah kepada risiko tambahan (seperti risiko yang berkait dengan pengurus pelaburan skim pelaburan kolektif Islamik) berbanding jika Dana Sasaran telah melabur secara langsung dalam pelaburan pendasar skim pelaburan kolektif Islamik. Risiko yang dikaitkan dengan pengurus pelaburan skim pelaburan kolektif Islamik termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko ketidakpatuhan kepada objektif, strategi dan dasar pelaburan skim pelaburan kolektif Islamik berkenaan, risiko kerugian langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh ketidakcukupan atau kegagalan proses dan sistem operasi dan pentadbiran pengurus pelaburan skim pelaburan kolektif Islamik, dan risiko di mana skim pelaburan kolektif Islamik mungkin tidak mencatatkan prestasi yang baik akibat keputusan pelaburan yang kurang baik oleh pengurus pelaburan skim pelaburan kolektif Islamik berkenaan.

Sebarang pergerakan besar harga skim pelaburan kolektif Islamik tersebut akan memberi kesan besar ke atas NAV Dana Sasaran dan NAV Dana.

Faktor Risiko

- **Risiko Agihan Keluar Modal**

Dana Sasaran mungkin mengagihkan modal Dana Sasaran. Agihan modal tersebut mewakili pulangan atau pengeluaran separa jumlah pelaburan asal peserta dan/atau untung modal yang disumbangkan kepada pelaburan asal dan akan menyebabkan pengurangan dalam dan NAV se Unit Dana Sasaran serta mengurangkan modal yang tersedia untuk pelaburan dan pertumbuhan modal masa hadapan. Ia boleh menyebabkan kekangan pertumbuhan modal masa hadapan.

- **Risiko dikaitkan dengan Penggunaan Kos Pertambahan atau Pelunasan dalam Perakaunan**

Dana Sasaran menggunakan kos pertambahan atau pelunasan dalam perakaunan kepada nilai instrumen pasaran wang Islamik dengan baki tempoh hingga kematangan yang tidak lebih daripada 90 hari semasa pemerolehan. Kos pertambahan atau pelunasan dalam perakaunan adalah proses perakaunan yang digunakan untuk menyelaraskan nilai di antara tarikh pembelian dan tarikh kematangan instrumen pasaran wang Islamik yang telah dibeli pada kadar diskaun atau premium. Pertambahan adalah pengumpulan nilai buku atas instrumen pasaran wang Islamik sehingga ia matang. Pelunasan pula digunakan untuk mengira pulangan pada bilabila masa instrumen pasaran wang Islamik dibeli pada premium, ia adalah pelupusan premium pelaburan sepanjang unjuran hayatnya sehingga matang.

Dana Sasaran telah menugaskan perkhidmatan perakaunan dan penilaian dana Dana Sasaran kepada Pemegang Amanah mereka. Terdapat kemungkinan penilaian yang salah dilakukan oleh Pemegang Amanah akibat kesilapan manusia atau kegagalan sistem. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana Sasaran mempunyai set perakaunan untuk kos pertambahan atau pelunasan mereka sendiri bagi menyelaraskan kos pertambahan atau pelunasan yang dilakukan oleh Pemegang Amanah setiap hari. Sekiranya perbezaan dalam penilaian melebihi ambang 0.05%, Pengurus Dana Sasaran akan menjalankan penyiasatan ke atas penilaian Pemegang Amanah.

- **Risiko Pengkelasan Semula Status Dana Lestari**

Ini adalah risiko yang berpunca daripada peningkatan tumpuan pengawalseliaan terhadap pelaburan lestari atau faktor lain yang menyebabkan pengurus aset menjadi lebih konservatif apabila mereka membentangkan kelayakan ESG mereka dan telah mengakibatkan pengkelasan semula dana lestari kepada dana tidak lestari. Jika ini berlaku, Pengurus Dana Sasaran boleh mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan peserta sebelum melabur dalam Dana. Peserta perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Peserta harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami risiko-risiko dengan lebih baik.

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang diguna pakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:-

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta Batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan Pengurusan Kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Untuk peserta yang mempunyai toleransi risiko tinggi dan untuk jangka masa pelaburan yang Panjang. Bersesuaian untuk individu dengan tahap toleransi risiko tinggi dan ufuk pelaburan jangka panjang serta ingin membuat pelaburan yang memberi impak positif pada pembangunan masyarakat, selaras dengan Matlamat Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset asas bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.• Harga unit Dana akan dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Bagaimanapun, oleh kerana nilai pelaburan Dana semasa akhir Tarikh Penilaian berkaitan hanya akan diketahui pada hari perniagaan seterusnya, penentuan harga unit Dana untuk Tarikh Penilaian berkenaan hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan selepas 2 hari perniagaan seterusnya (T+2).
Keadaan Pengecualian	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan penerbitan atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin diberitahu kepada peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sivil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran tersebut.

Maklumat mengenai Dana Sasaran

Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund

Dana Pelaburan yang Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)

Oleh sebab Dana Sasaran ialah Dana SRI yang diperakui, Dana Sasaran akan melabur sekurangnya 67% daripada NAVnya dalam pelaburan patuh Syariah yang selaras dengan objektif dan strategi pelaburannya yang mampan. Oleh itu, Dana Sasaran akan melabur dalam perniagaan patuh Syariah dan/atau skim pelaburan kolektif Islam yang memberikan impak positif pada pembangunan mampan masyarakat, sejajar dengan 6 Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("UN SDG") yang berlandaskan "Matlamat Impak" seperti berikut: 1) menangani fenomena perubahan iklim, 2) menangani isu kekurangan hasil semula jadi, 3) menghapuskan penyakit berjangkit, 4) mengurangkan epidemik obesiti, 5) menyediakan akses global kepada perkhidmatan kewangan asas dan 6) menyediakan akses global kepada bekalan air minuman yang bersih.

Dana Sasaran telah melantik Nomura Asset Management U.K. Limited sebagai penasihat pelaburan Dana Sasaran. Penasihat Pelaburan akan menjalankan penyelidikan pelaburan dan menyediakan cadangan saham selaras dengan objektif pelaburan serta sekatan dan had pelaburan Dana Sasaran yang digariskan.

- a. Syarikat patuh syariah yang membawa nilai keseluruhan yang tinggi untuk dikongsi di kalangan pihak berkepentingan menurut syarat-syarat kewangan dan bukan kewangan yang ditetapkan;
- b. Syarikat patuh syariah yang menunjukkan amalan perniagaan beretika (cth., syarikat yang mematuhi dasar dan amalan perniagaan baik dalam hal-hal seperti tadbir urus korporat, rasuah, diskriminasi, tanggungjawab sosial korporat dan tanggungjawab fidusiari) dalam perkara yang melibatkan pekerja, rantaian bekalan dan pelanggan;
- c. Syarikat patuh syariah yang menunjukkan tadbir urus korporat yang bertanggungjawab secara sosial dengan aktif dan mempunyai penglibatan meluas dalam masyarakat yang dinilai melalui gabungan antara penyelidikan dan data luaran, serta penilaian dalaman yang dijalankan untuk mengukur kekuatan dan kelemahan penglibatan syarikat tersebut oleh pasukan penganalisis Penasihat Pelaburan.

Pengurus Dana Sasaran dan Penasihat Pelaburan akan menjalankan proses saringan pengecualian untuk mengecualikan entiti yang mempunyai tadbir urus lemah, merekodkan kadar pelepasan gas rumah hijau yang tinggi dan membawa kesan sosial atau alam sekitar yang negatif. Pengurus dan Penasihat Pelaburan menggunakan suatu rangka kerja yang dibangunkan dengan baik dan konsisten untuk menilai secara berterusan sama ada suatu sekuriti yang dinilai patut diberi penarafan "Tidak boleh dilaburkan".

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

Jika pegangan menunjukkan kemerosotan berterusan dalam kapasiti atau keinginannya untuk memenuhi prinsip UN SDG atau jika Dana Sasaran telah melepasi kadar peruntukan aset minimum sebanyak 67% daripada NAVnya dalam pelaburan patuh Syariah seperti yang digariskan dalam objektif dan strategi pelaburan mampannya, Pengurus Dana Sasaran dan Penasihat Pelaburan akan melaksanakan satu atau lebih daripada langkah berikut:

- 1) berhubung dengan syarikat penerima pelaburan untuk memahami keadaan kemerosotan dan memberikan cadangan penambahbaikan;
- 2) menggunakan undi proksi (termasuk mengemukakan resolusi pemegang saham) untuk cuba membawa penambahbaikan; atau
- 3) melupuskan atau mengurangkan pegangannya dalam syarikat penerima pelaburan dalam tempoh yang bersesuaian (3 bulan) bergantung kepada, antara lain, materialiti dan tahap kemerosotan berdasarkan penilaian Pengurus Dana Sasaran terhadap jumlah skor impak dan ujian yang dijalankan berdasarkan had-had berkaitan untuk menentukan kadar ketidakbolehlaburan syarikat penerima pelaburan. Pengurus Dana Sasaran dan Penasihat Pelaburan akan meningkatkan jumlah pegangan Dana Sasaran dalam syarikat penerima pelaburan sedia ada yang lain atau melabur dalam syarikat penerima pelaburan baharu di mana perniagaannya boleh membawa impak positif ke atas pembangunan mampan masyarakat menurut prinsip UN SDG PBB.

Proses Pelaburan

Suatu saringan kuantitatif dijalankan terhadap dunia saham yang akan dikesilkan ke suatu senarai saham ("dunia pelaburan") yang berpotensi mempunyai pelaburan berkualiti tinggi yang membawa kesan positif terhadap Matlamat Impak yang telah ditetapkan oleh Pengurus Dana Sasaran untuk strategi tersebut. Enam Matlamat Impak tersebut adalah sejajar dengan UN SDG yang dipercayai oleh Pengurus Dana Sasaran dapat membawa kesan material yang positif terhadap pelaburan dan penglibatan ekuiti awam. Matlamat Impak ini adalah (1) Menangani Fenomena Perubahan Iklim, (2) Mengawal Isu Kekurangan Lestar-Hasil Semula Jadi, (3) Mengawal Epidemik Obesiti, (4) Menghapuskan Penyakit Berjangkit, (5) Menyediakan Akses Global terhadap Perkhidmatan Kewangan Asas dan (6) Menyediakan Akses Global pada bekalan Air Minuman Bersih.

Seterusnya, analisis asas terperinci dan model penilaian aliran tunai selepas diskaun digunakan untuk mengenal pasti perniagaan dengan asas yang kukuh dan anggaran setiap nilai intrinsik yang kemudiannya akan dibentangkan oleh penganalisis masing-masing kepada jawatankuasa pemilihan saham dalaman. Selain itu, faktor Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") akan dipertimbangkan dalam proses ini dan semua idea saham mesti disenaraikan di Indeks Pasaran Islam Dow Jones atau diluluskan oleh Penasihat Syariah.

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

Di lapisan penyaringan seterusnya, analisis impak objektif akan dijalankan untuk mengukur tahap impak syarikat terhadap semua pihak berkepentingan. Analisis impak objektif menggunakan suatu rangka kerja piawai bermilikan dan sistem pemarkahan untuk mengukur impak syarikat terhadap semua pihak berkepentingan (alam sekitar, masyarakat, pekerja, pelanggan dan pembekal) menggunakan data kuantitatif, jika bersesuaian (contohnya: data kadar pelepasan, data penggunaan air dan metrik kepelbagaian dalaman). Sepanjang proses ini, setiap syarikat diberikan skor keseluruhan sebagai keputusan akhir yang. Akhir sekali, Penasihat Pelaburan dan Pengurus Dana Sasaran akan membincangkan serta memilih saham yang akan dimasukkan ke dalam portfolio dan menentukan keutamaannya dengan mengambil kira kebarangkaliannya untuk menarik pelaburan individu (di samping penilaian nilai intrinsik dan kadar ketidakpastian yang dijalankan ke atas saham tersebut) serta penilaian terhadap impak terhadap pihak berkepentingan secara menyeluruh.

Risiko Kelestarian

Risiko kelestarian merujuk pada situasi atau keadaan persekitaran, sosial atau tata kelola, jika berlaku, boleh atau berpotensi membawa impak negatif material terhadap nilai pelaburan. Pengurusan risiko kelestarian merangkumi suatu bahagian penting dalam proses penilaian wajar yang dilaksanakan oleh Pengurus Dana Sasaran dan Penasihat Pelaburan. Pengurus Dana Sasaran dan Penasihat Pelaburan mengenal pasti risiko kelestarian sebagai sebahagian daripada analisis sekuriti yang lebih meluas. Dalam konteks perenggan-perenggan di bahagian ini, istilah "kelestarian" dan "Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG")" akan digunakan secara bergantian.

Berikut ialah senarai risiko kelestarian yang terpakai untuk Dana Sasaran ini, seperti yang dikenal pasti oleh Pengurus Dana Sasaran dan Penasihat Pelaburan:

Risiko-risiko kelestarian alam sekitar adalah termasuk, tetapi tidak terhad pada:

- Perubahan iklim
- Pelepasan karbon
- Pencemaran udara
- Pencemaran air
- Berbahaya kepada biodiversiti
- Pembasmian hutan
- Ketidakcekapan tenaga
- Amalan pengurusan sisa yang kurang baik
- Masalah kekurangan air yang berleluasa
- Peningkatan paras air laut / pembersihan pantai Kebakaran liar / kebakaran belukar

Risiko kelestarian sosial adalah termasuk, tetapi tidak terhad pada:

- Pencabulan hak asasi manusia
- Pemerdagangan manusia
- Perhambaan moden / buruh paksa
- Pencabulan hak pekerja / hak buruh
- Buruh kanak-kanak
- Diskriminasi
- Pembatasan ke atas atau pencabulan hak pengguna

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

- Akses terhadap bekalan air bersih, bekalan makanan, dan/atau persekitaran kehidupan yang bersih
- Pelanggaran hak-hak masyarakat setempat / populasi bumiputera
- Munisi kluster

Risiko kelestarian tata kelola adalah termasuk, tetapi tidak terhadap pada:

- Kekurangan kepelbagaian dalam lembaga atau badan pentadbiran
- Kekurangan audit dalaman atau luaran
- Pelanggaran atau pembatasan hak-hak pemegang taruh (minoriti)
- Rasuah dan korupsi
- Kekurangan penelitian terhadap pembayaran gaji eksekutif
- Perlindungan data peribadi/keselamatan IT yang lemah (pekerja dan/atau pelanggan)
- Amalan pengambilan kerja yang berdiskriminasi
- Isu-isu kesihatan dan keselamatan tenaga kerja
- Amalan kelestarian di rantaian bekalan yang kurang baik
- Gangguan, diskriminasi dan pembulian di tempat kerja
- Pembatasan hak-hak ke atas perundingan bersama atau kesatuan sekerja
- Kekurangan perlindungan untuk pengadu
- Ketidakpatuhan kadar gaji minimum atau (jika berkenaan) syarat-syarat sara hidup

Dengan menggunakan proses kuantitatif dan kualitatif, risiko-risiko kelestarian ini dapat dikenal pasti, dipantau, diurus dan ditangani oleh Pengurus Dana Sasaran dan Penasihat Pelaburan.

Kebarangkalian impak-impak risiko kelestarian ini berlaku adalah sukar untuk diukur. Walaupun amalan-amalan ESG sebuah syarikat berkemungkinan mempengaruhi nilai jangka panjangnya, tetapi tiada jaminan yang diberi terhadap prestasi pelaburan individu, mahupun pulangan portfolio Dana Sasaran secara menyeluruh meskipun persepaduan risiko mampan telah dilakukan.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Ogos 2023*